

17/02/2002

Komanwel terima syor dialog lebih kerap

SEPANG: Syor Malaysia supaya diadakan dialog lebih kerap membabitkan tamadun yang berbeza di kalangan negara Komanwel, diterima sebagai pelan tindakan dan akan dibentangkan pada mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel di Brisbane, Australia, bulan depan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata syor itu satu daripada tiga pendekatan negara Komanwel untuk menangani masalah keganasan yang dicadang untuk dijadikan pelan tindakan oleh mesyuarat Jawatankuasa Komanwel, yang bersidang di London, tiga minggu lalu.

"Syor kita ialah perlu diadakan dialog lebih kerap, kerana kita mempunyai tamadun, sistem nilai dan agama yang berbeza. Kerana itu kita perlu ada kekuatan dan penghayatan untuk memahami perbezaan itu.

"Ketika saya mencadangkannya, perbincangan hangat berlaku dan akhirnya diterima untuk dijadikan pelan tindakan pada peringkat Ketua-ketua Kerajaan, bulan depan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini, sekembalinya daripada siri lawatan kerja di luar negara tiga minggu.

Dua pelan tindakan lain membabitkan kerjasama lebih erat dalam bidang membabitkan soal menangani jenayah, merentasi sempadan, penukaran maklumat dalam soal pembiayaan keganasan antara agensi kewangan negara ahli Komanwel.

Syed Hamid turut menyentuh mengenai keberkesanan suara lantang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika berucap mengenai Islam dan keganasan di Forum Ekonomi Dunia, dua minggu lalu.

"Suara dan pandangan sebuah negara Islam sederhana membabitkan pendekatan terhadap Islam dan keganasan seperti Malaysia ini, mendapat penerimaan amat menggalakkan.

"Apabila Perdana Menteri berbincang perkara itu, ia dilihat dalam konteks bahawa beliau bukan saja seorang pemimpin Islam yang diterima oleh masyarakat Islam, bahkan masyarakat antarabangsa dan mampu menaikkan semula kehormatan dan maruah agama Islam yang tercemar akibat tindakan ganas yang dikaitkan dengan Islam," katanya.

(END)